

Calon BN mahu jayakan hasrat PM

TAMPIN, Isnin — Calon Barisan Nasional bagi pilihanraya kecil kawasan Parlimen Tampin, Encik Omar bin Abdullah, berazam mendukung dan menjayakan cita-cita dan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewujudkan sebuah kerajaan bersih, cekap dan amanah.

Encik Omar, 32, berikrar akan berkhidmat dengan penuh dedikasi kepada rakyat seperti yang dikehendaki oleh pucuk pimpinan sekiranya menang dalam pilihanraya kecil itu.

Encik Omar, bekas Timbalan Pengarah Trafik (Pentadbiran) dan Kewangan Keretapi Tanah Melayu (KTM), diumumkan menjadi calon Barisan Nasional pilihanraya kecil kawasan Parlimen Tampin oleh Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Abdul Samad petang ini.

Pengumuman itu dibuat di satu majlis menubuhkan jawatankuasa peti undi kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Rompin di bawah kawasan Parlimen Tampin di Felda Palong Dua, 80 kilometer dari sini.

Encik Omar mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan atas kepercayaan terhadapnya menjadi calon BN.

Turut hadir di majlis itu ialah dua orang lagi yang nama mereka dikemukakan oleh Umno Bahagian Tampin kepada Datuk Seri Dr Mahathir untuk dipilih menjadi calon BN, iaitu Encik Mohd Nor bin Rajab dan Encik Aziz bin Rasol.

Encik Omar berasal dari Kampung Londah Gemas dan menjadi ahli jawatankuasa Umno cawangan kampung itu sejak tahun 1977 ketika beliau menjadi Penguasa Trafik KTM daerah Gemas.

Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Londah dan Sekolah Menengah Tuanku Mohamad Kuala Pilah. — Bernama.